



Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi Januari 2023



MALAYSIA MADANI

"Semua ini perlukan sifat penyayang dalam Malaysia dan mempertahankan nilai akhlak yang menjadi teras dalam fahaman Islam dan didukung agama lain. Kalau nak setuju dan kritik boleh perbincangan yang lebih teratur dan sopan."

YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



Jabatan Laut Malaysia



@lautmy



jabatanlaut

RASIONAL LOGO MALAYSIA MADANI

Malaysia Madani merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. Malaysia Madani bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia Madani menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

Jalur

Lima jari dengan jalur merah putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara, asas ideologi Malaysia

Bulatan

Bulatan berwarna biru menandakan kebulatan, muafakat dan perpaduan di kalangan rakyat



MALAYSIA MADANI

Bulan Sabit

Bulan merupakan simbol agama Islam sebagai agama Persekutuan

Bintang

Bintang berbucu 14 menandakan perpaduan di kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan

Warna Biru

Kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan

Warna Merah

Keberanian, jati diri dan keazaman

Warna Kuning

Nilai tradisi, kebudayaan dan kearifan tempatan

Warna Putih

Keluhuran budi, kesucian hati dan hasrat murni

MALAYSIA MADANI

Kerangka dasar diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023

TONGGAK DASAR



keMampanan kesejAhteraan Daya cipta hormAt keyakiNan Ihsan

AGENDA

Menumpukan kepada penyelesaian masalah

Memenuhi keperluan semasa negara

Menyentuh pencorakan masa depan

Memenuhi potensi rakyat & negara

SASARAN

Menjadi dasar setiap teras yang akan diteroka bagi memperkukuh:

Ekonomi & kewangan

Perundangan

Institusi

Pendidikan

Kemasyarakatan

Budaya

Bandar

Luar Bandar

Sumber: Jabatan Perdana Menteri

Diterbitkan: 19 Jan 2023
Infografik Bernama

Malaysia MADANI merupakan panduan dan ikhtiar secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran yang lebih manusiawi. **Malaysia MADANI** bertunjangan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban.

Kerangka **Malaysia MADANI** menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.

6 RUKUN MALAYSIA MADANI

Malaysia **MADANI** mewakili enam rukun iaitu **M** (ke**M**ampunan), **A** (kesej**A**hteraan), **D** (**D**aya cipta), **A** (horm**A**t), **N** (keyaki**N**an) dan **I** (Ihsan) yang menjadi tonggak dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.



ENAM RUKUN **MALAYSIA MADANI**



KEMAMPANAN



KESEJAHTERAAN



DAYA CIPTA



HORMAT



KEYAKINAN



IHSAN

MADANI bermaksud maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan (bukan masyarakat, generasi dan sebagainya) usaha untuk membentuk masyarakat - dengan menyemaikan nilai-nilai murni kekeluargaan. Manhaj itu terarah kepada pembinaan masyarakat.



MADANI

KEMAMPAKAN

Kemampuan mensyaratkan kesejahteraan dan keseimbangan, dengan pengertian saling menghormati dan mengasihi sesama manusia, dan juga terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuhan. Ia lebih daripada sekadar pemeliharaan alam sekitar tetapi juga soal memelihara kebajikan haiwan dan mutu kehidupan manusia.



MADANI

KESEJAHTERAAN

Kalimat sejahtera sering membawa makna keseimbangan, atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan. Mewujudkan kesejahteraan rakyat justeru haruslah mengambil kira sikap yang baik dan mampan.



MADANI

DAYA CIPTA

Kalimat daya cipta mengandungi beberapa konotasi, antaranya pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Rekaan itu sendiri merupakan teras utama daya cipta. Perbuatan mereka sesuatu boleh difahami sebagai tindakan mengubah secara kreatif.



MADANI

HORMAT

Kalimat hormat mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain yakni adab, yang berasal daripada bahasa Arab, mengandungi yang sama konotasi seperti budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan, dan dilihat bukan semata sebagai asas kepada tingkah laku tetapi juga sebagai asas kepada sebuah peradaban.



MADANI

KEYAKINAN

Keyakinan punya kaitan yang erat dengan amanah, yakni suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi. Amanah menjadi unsur pokok yang bertanggungjawab menjamin ketenteraman dalam banyak masyarakat sepanjang sejarah.



MADANI

IHSAN

Ihsan merupakan sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan. Demikian, mengasihi orang lain - keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan masyarakat secara keseluruhannya, terutamanya kelompok minoriti. Perasaan ihsan itu adalah soal menyelami penderitaan dan kemelaratan orang lain, lalu berusaha untuk mencari jalan bagi mengubatnya.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) BERUSAHA MEMUDAHCARA DAN MEREALISASIKAN PERANCANGAN PROJEK PENGANGKUTAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



4 Januari 2023 – Pengarah Laut Wilayah Utara bersama Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara (Pengurusan) diterima mengadap Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Ja'afar ibni Almarhum Raja Muda Musa – Raja Muda Perak Darul Ridzuan di Rumah Perak Boutique Villa, Pulau Pinang. Baginda Tuanku Raja Muda amat prihatin terhadap projek pembangunan pengangkutan laut demi kelangsungan ekonomi negeri Perak Darul Ridzuan.



LIBAT URUS JLMWT BERSAMA EXXONMOBIL

4 Januari 2023 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur telah mengadakan libat urus bersama ExxonMobil Pelabuhan Bekalan Kemaman di Hotel Primula Kuala Terengganu. Perkara yang diketengahkan adalah berkaitan dengan kebimbangan terhadap kapal dagang yang kebelakangan ini belayar menghampiri struktur luar pantai bawah seliaan ExxonMobil.

PENGUSAHA TAMBAH FREKUENSI PERKHIDMATAN FERI KUALA KEDAH - LANGKAWI



8 Januari 2023 – Pengarah Laut Wilayah Utara bersama Timbalan dan pegawai-pegawai kanan beliau berinteraksi dengan wartawan sebaik saja selesai menghadiri Sesi Libat Urus bersama pemain industri Langkawi Bandaraya Pelancongan di pejabat Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA). Ferry Line Ventures Sdn Bhd, akan meningkatkan frekuensi perkhidmatan feri sebanyak 9 trip dari Langkawi ke Kuala Kedah, manakala 11 trip dari Kuala Kedah ke Langkawi pada 21 Januari 2023 menjelang Tahun Baru Cina 2023.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) BINA SEMANGAT UNTUK BEKERJA LEBIH KUAT BAGI TAHUN 2023



7 Januari 2022 – Ketua Pejabat Laut Langkawi, JLM Wilayah Utara bersama pasukan pegawai dan pelaksana beliau anjurkan aktiviti Hari Keluarga di Kompleks JLM Tanjung Lembong, Langkawi Bandaraya Pelancongan. Hari Keluarga yang disertai dengan aktiviti memancing berkumpul ini dibuat dengan objektif mengeratkan kerjasama pasukan dan membentuk 'esprit de corp' di kalangan ahli pasukan Pejabat Laut Langkawi sebagai persediaan awal hadapi tahun 2023 yang dijangka lebih mencabar.

KOLABORASI DI ANTARA JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) DAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)



8 Januari 2023 – Fakulti Pengajian Maritim Universiti Malaysia Terengganu memanjangkan undangan kepada wakil Ibu Pejabat JLM sebagai pensyarah jemputan khas bagi subjek Ekonomi Maritim. Hal ini menunjukkan hubungan rangkaian antara kluster akademik dan agensi pentadbir di bidang perkapalan kebangsaan sentiasa terjalin demi pemacuan mampan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030. Kerjasama bakal diteruskan untuk sesi-sesi kuliah yang akan datang.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) BERJAYA ANGKAT PELAMPUNG PANDU HANYUT KE TELUK RUBIAH MARITIME TERMINAL (TRMT)



9 Januari 2022 – Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Utara bersama pasukan beliau berjaya mengangkat pelampung pandu yang hanyut ke TRMT, Had Pelabuhan Lumut, Perak. Kerja-kerja mengangkat pelampung tersebut bagi tujuan selenggaraan dan penempatan semula itu dilaksana menggunakan kapal NESTLINE 1 dengan kerjasama TRMT milik Vale Malaysia Minerals Sdn. Bhd., pelabur asing terbesar negeri Perak.

KERJASAMA ERAT KOMUNITI NELAYAN SELAMATKAN PELAMPUNG PANDU BAGAN DATUK YANG HANYUT



9 Januari 2023 – Kerjasama erat komuniti nelayan Bagan Datuk, Perak memudahkan koordinasi pasukan Ketua Pejabat Laut Negeri Perak bersama pasukan Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP), JLM Wilayah Utara apabila berjaya menyelamatkan Pelampung Pandu Bagan Datuk No 2G yang hanyut ke Beting Beras Basah, Bagan Datuk. JLM mengucapkan setinggi terima kasih kepada komitmen tinggi komuniti nelayan Bagan Datuk kepada kepentingan alat bantuan pelayaran sehingga pelampung pandu yang hanyut ini dapat dikesan segera dan diselamatkan.

LAWATAN KERJA Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor ke Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan

10 Januari 2023 – Warga kerja JLM Wilayah Selatan telah menerima lawatan kerja oleh Yang Berhormat EXCO Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Infrastruktur Negeri Johor.

YBrs. Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan berbesar hati dan telahpun menerima kunjungan seramai 15 orang ahli rombongan tersebut.

Dalam lawatan ini, Tuan Mohd Reduan bin Mohd. Ali telah memberikan taklimat ringkas berhubung Jabatan beserta menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat sendiri.



MESYUARAT TAHUNAN JAWATANKUASA KOD SEKURITI ANTARABANGSA KAPAL DAN KEMUDAHAN PELABUHAN (ISPS CODE) BAGI TAHUN 2022 OLEH JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH TIMUR



12 Januari 2023 – Mesyuarat tahunan Jawatankuasa Sekuriti Kod Sekuriti Antarabangsa Kapal dan Kemudahan Pelabuhan (ISPS Code) telah diadakan melibatkan tiga kawasan sekuriti pengangkutan maritim iaitu Kerteh, Kuala Terengganu dan Tok Bali pada 10, 11 dan 12 Januari 2023.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengarah Laut Wilayah Timur serta dihadiri oleh *Maritime Transport Security Officer* (MTSO), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), *Malaysia Office of the Chief Government Security Officer* (CGSO), Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan *Marine Facility Security Officer* (MFSO).

Mesyuarat pada kali ini telah berjaya mendapatkan pelbagai perkongsian dan cadangan antara agensi dan fasiliti pelabuhan dalam menambahbaik pelaksanaan kod ISPS di Malaysia.

LAWATAN PEMANTAUAN JETI PENUMPANG MERSING JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SELATAN

12 Januari 2023 – En. Khairil Azizie bin Che Mat, Timbalan Pengarah Wilayah Selatan telah melakukan lawatan mengejut ke Jeti Penumpang Mersing serta Pejabat Laut Mersing sebentar tadi.

En. Khairil Azizie bin Che Mat, sendiri telah melakukan semakan aset alih Jabatan terutamanya konsisi kerusi penumpang di jeti yang sangat uzur serta memerlukan tindakan segera.

Di samping itu juga, beliau turut memeriksa pemasangan kipas dan suis bagi kegunaan awam di jeti ini.

Beginilah pendekatan turun padang yang diamalkan oleh jabatan khususnya di selatan tanah air dalam memastikan penyampaian perkhidmatan jabatan sendiri diambil peduli oleh jabatan.



KUNJUNGAN HORMAT JABATAN LAUT MALAYSIA WILAYAH SELATAN KE MAJLIS DAERAH MERSING



12 Januari 2023 – Pengurusan kanan JLM Wilayah Selatan telah mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Daerah Mersing. En. Khairil Azizie bin Che Mat, Timbalan Pengarah Wilayah Selatan selaku ketua rombongan telah disambut oleh YBrs. Mohd. Norman bin Haji Noh, Yang DiPertua Majlis Daerah Mersing.

Selain tujuan utama kunjungan hormat ini diadakan selain daripada memperkenalkan pegawai-pegawai kanan Jabatan, perjumpaan dari hati ke hati juga turut membincangkan isu- isu pelancongan yang ada kaitan dengan Jabatan.

Memandangkan daerah Mersing merupakan destinasi pelancongan berkaitan aktiviti air seperti *island hopping*, aktiviti *snorkeling*, memancing laut dalam serta kapal *cruise* pelancongan utama di Johor Timur.

Sesungguhnya dengan adanya kunjungan hormat ini dapat mengurangkan jurang persefahaman di antara PBT dan Jabatan Persekutuan.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) LINDUNGI PERAIRAN LANGKAWI DARIPADA TUMPAHAN MINYAK/BAHAN BERBAHAYA DARI KAPAL



12 Januari 2023 – Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara (Operasi) bersama pasukan Ketua Pejabat Laut Langkawi fokus kepada taklimat kontraktor penyelenggaraan alat melawan tumpahan minyak / bahan berbahaya dari kapal di Kompleks JLM Tanjung Lembong, Langkawi Bandaraya Pelancongan. Lebih 110 kapal tempur Negara Asing dijangka memasuki perairan pulau peranginan ini semasa Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi - LIMA'23 pada 23 - 27 Mei 2023.

PROJEK PENANG SOUTH ISLANDS (PSI) - KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TERUSKAN KOMITMEN TAJA KURSUS JURUMUDI MATE DOMESTIK TERBUKA



12 Januari 2023 – Penolong Ketua Pejabat Laut Negeri Pulau Pinang, JLM Wilayah Utara menyaksikan Majlis penyerahan surat tawaran kepada 11 individu yang mengikuti kursus jurumudi *Mate of Less Than 500GT Domestic Voyage (Open)* – MDO di Institut Latihan Maritim (ILM) yang diluluskan oleh JLM. Majlis ini disempurnakan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow – Ketua Menteri Pulau Pinang sempena Majlis Penyampaian Skim Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) bagi projek Penang South Islands (PSI) di Pusat Perkhidmatan Setempat Sungai Batu, Teluk Kumbar, Pulau Pinang.

KUNJUNGAN HORMAT PENERUSI LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH KE ATAS KETUA PENGARAH LAUT JABATAN LAUT MALAYSIA

13 Januari 2023 – YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Mohd. Jasmin bin Julpin, Pengerusi Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah diiringi oleh YBhg. Datuk Dr Johnson dan En. Khairi Alias bertempat di Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia, Pelabuhan Klang.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk menzahirkan penghargaan tahniah atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah Laut yang baharu selain membincangkan beberapa perkara yang boleh memberi impak positif terhadap sektor pelabuhan, keselamatan pelayaran dan dasar termasuk polisi berkaitan yang terlibat dalam industri perkapalan.

Sesi Kunjungan Hormat ini turut disertai oleh Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi), JLM dan En. Raja a/l Chinaya@sinniah, Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, JLM.



TRANSFORMASI PENDIGITALAN PERKHIDMATAN PERKAPALAN - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) KOLABORASI DENGAN JABATAN / AGENSI KERAJAAN TERLIBAT SELARASKAN SISTEM *SINGLE WINDOW* BAGI URUSAN KETIBAAN, OPERASI DAN PELEPASAN KAPAL DI PELABUHAN



13 Januari 2023 - Pengarah Laut Wilayah Utara pengerusikan mesyuarat penyelarasan bersama Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang sebagai Pihak Berkuasa Pelabuhan serta kesemua Jabatan/Agensi Kerajaan lain yang terlibat dengan urusan ketibaan, operasi dan pelepasan kapal di Pelabuhan. Bagi tahun 2023, Kementerian Pengangkutan Malaysia beri penekanan kepada transformasi pendigitalan perkhidmatan seperti penggunaan sistem *single window* bagi memudahkan urusan kapal pelabuhan selaras dengan ratifikasi Malaysia kepada *FAL Convention* pada 10 April 2019 (Rabu) 4 tahun lalu.

KAPAL DAI CAT 06 HILANG - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) SERU SELURUH KELUARGA BESAR PELAUT DAN KELUARGA MALAYSIA SOLAT HAJAT SERENTAK MEMOHON KESEJAHTERAAN KRU KAPAL



13 Januari 2023 - Pengarah Laut Wilayah Utara, Timbalan, pegawai dan seluruh pasukan beliau jayakan Majlis Bacaan Surah Yassin dan doa selamat memohon kesejahteraan kesemua lima orang kru kapal DAI CAT 06 yang hilang sejak 2 Januari 2023. JLM bersama Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) menyeru seluruh keluarga besar pelaut dan juga Keluarga Malaysia untuk sama-sama menunaikan Solat Hajat serentak untuk memohon ke hadirat Allah SWT keselamatan kru kapal dan kesemua keluarga mereka dikurnia kekuatan untuk menghadapi ujian getir ini dengan tabah.

KAPAL DAI CAT 06 HILANG - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) TEMUI PEMILIK KAPAL BINCANG KEBAJIKAN KELUARGA KRU KAPAL



13 Januari 2023 - Pengarah Laut Wilayah Utara, Timbalan dan pegawai-pegawai kanan beliau menemui individu-individu yang pernah mewakili pemilik kapal - Dai Cat Sdn Bhd di Ibu Pejabat Laut Wilayah Utara, Pulau Pinang. Kapal DAI CAT 06 bersama 5 kru ini dilaporkan hilang sejak 2 Januari 2023 (Isnin) awal bulan ini dalam pelayaran menuju Kuching, Sarawak dan sehingga masih belum ditemui.

MAJLIS SOLAT HAJAT MEMOHON KESELAMATAN ANAK KAPAL MV DAI CAT 06 DAN BACAAN TAHLIL ARWAH KAKITANGAN JABATAN LAUT MALAYSIA

15 Januari 2023 – YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) diiringi Tuan Haji Baharudin bin Zakaria, Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah telah menghadiri Majlis Solat Hajat Memohon Keselamatan Anak Kapal MV Dai Cat 06 dan Bacaan Tahlil Arwah buat kakitangan dan ahli keluarga yang telah meninggal dunia bertempat di Surau Nurul Huda, Kuarters Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah (JLMWT).

Turut hadir pada majlis ini ialah YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi) dan YBrs. Encik Nordin bin Mohamadin (TK) Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) serta penduduk kuarters JLMWT.

Majlis ini turut mendoakan agar keluarga anak kapal yang terlibat diberi kekuatan dan tabah dengan ujian yang berat ini.



KAPAL DAI CAT 06 HILANG - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) ZIARAH KELUARGA KRU KAPAL



16 Januari 2023 – Pengarah Laut Wilayah Utara bersama pegawai kanan JLM Wilayah Utara menyampaikan sumbangan Kelab Sukan JLM Wilayah Utara kepada keluarga Mohammad Syafarizan Mohd Noor, 24 tahun, Ketua Pegawai kapal DAI CAT 06 yang dilaporkan hilang dalam pelayaran menuju ke Kuching, Sarawak sejak 2 Januari 2023 (Isnin) di rumah keluarga beliau di Pulau Pinang. Mudah-mudahan kehadiran JLM ini dapat menceriakan keluarga kru ini yang sentiasa berdoa agar dapat ditemui seberapa segera yang mungkin.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) LAKSANA KEMPEN PEMERIKSAAN KAWALAN NEGARA BENDERA PASTIKAN FERI PENUMPANG DAN RORO LAYAK LAYAR



16 Januari 2023 – Pasukan Pemeriksa Kapal JLM Wilayah Utara laksanakan pemeriksaan Kawalan Negara Bendera ke atas feri penumpang dan feri Roll-On-Roll-Off (RORO) yang memohon untuk beroperasi di laluan Kuala Kedah – Kuala Perlis – Langkawi Bandaraya Pelancongan semasa cuti sekolah sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina. JLM menasihati semua agar sentiasa mematuhi peraturan serta memastikan aspek keselamatan sentiasa menjadi keutamaan semasa menggunakan mod pengangkutan laut.

MAJLIS BEBAS RASUAH BERSAMA PENJAWAT AWAM DAERAH PONTIAN TAHUN 2023



17 Januari 2023 – Majlis lafaz ikrar ini telah dihadiri oleh En. Noreain bin Bachok, selaku wakil rasmi Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan. Turut hadir sama dalam majlis ini ialah En. Syed Roizaini bin Syed Maliki, Ketua Pejabat Laut Kukup, Pontian.

Majlis ini telah dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Pontian telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Sheikh Hamadi bin Sheikh Abdul Hamid, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Johor.

Seramai 350 orang penjawat awam Negeri, Persekutuan termasuklah pegawai Jabatan bersama-sama para pemimpin akar umbi daerah seperti Penghulu Mukim, Ketua-Ketua Masyarakat pelbagai kaum, Ketua-ketua Kampung daerah Pontian hadir dalam majlis ini.

Terdahulu majlis ini dimulakan dengan taklimat Anti-Rasuah telahpun disampaikan oleh Penguasa Salbiha binti Saidin, Pegawai SPRM Negeri Johor (Unit Pendidikan Masyarakat) telah menyampaikan taklimat. Jabatan ini komited dalam usaha membanteras rasuah khususnya di daerah Pontian serta berikrar menyuarakan pendirian Jabatan tanpa kompromi terhadap kesalahan rasuah.

MAJLIS SUMBANGAN LIMAU SEMPENA PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA OLEH YB MENTERI PENGANGKUTAN



18 Januari 2023 – Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah berbesar hati menyampaikan sumbangan limau sempena perayaan Tahun Baharu Cina. Sumbangan limau ini diserahkan kepada warga Kementerian Pengangkutan (MOT), Jabatan dan Agensi di bawah MOT. Turut hadir, YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri; YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan, Ketua Setiausaha; YBhg. Dato' Normah Osman, Timbalan Setiausaha (Dasar); YBhg. Dato' Razali Mohamad, Timbalan Setiausaha (Pengurusan) dan Ketua Pengarah serta wakil dari Jabatan dan Agensi.

BASIC BOAT HANDLING (BBH) COURSE SIRI 1/2023



20 Januari 2023 – Seramai 13 orang pembantu laut dari Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah menyertai kursus *Basic Boat Handling* Siri 1/2023 yang telah selesai dijalankan di Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN). Kursus ini merupakan keperluan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan keselamatan berkaitan asas pengendalian bot dan ketika menjalankan tugas termasuk langkah sekiranya berlaku kecemasan. Kursus ini merupakan prasyarat kenaikan pangkat bagi Pembantu Laut A19 ke gred A22.

Tenaga penceramah berpengalaman yang dijemput adalah En. Ahmad Dasha Bin Abdul Ghani dan En. Jamaludin Bin Puji manakala pegawai penilai pula En. Adam Ronny Bin Rosly dan fasilitator iaitu En. Zaki Bin Azizi dan En. Abdullah Bin Abdul Hamid serta kakitangan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan kursus ini. MATRAIN turut memperkasakan kaum wanita JLM bagi turut serta dalam kursus yang dijalankan.

LIMA'23 - KOMPLEKS KEMUDAHAN PELANCONGAN KUALA PERLIS HAMPIR SIAP DISELENGGARA



19 Januari 2023 - Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis mengiringi YAB Menteri Besar Perlis dalam program *walkabout* beliau ke Kompleks Kemudahan Pelancongan Kuala Perlis yang terletak bertentangan jalan utama dengan Terminal Feri Penumpang dan RORO Kuala Perlis. Selenggaraan Kompleks ini dijadual siap sepenuhnya menjelang LIMA'23 bagi mendukung fasiliti Terminal Feri Penumpang dan RORO tersebut sebagai premis perniagaan dan ruang legar penumpang sebelum memasuki Terminal.

PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2023 - KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN JLM ANJUR KEMPEN ADVOKASI KESELAMATAN JALAN RAYA



22 Januari 2023 - Ahli - ahli Kelab Sukan dan Kebajikan JLM Wilayah Utara, Timur, Tengah, Selatan dan Ibu Pejabat Laut Malaysia secara bersama anjurkan kempen advokasi keselamatan jalan raya dengan tema - Program *Ride Syahbandar Motor Group to Cameron Highlands @ JLM Bikers Gathering*. Selain usaha advokasi dan literasi aspek keselamatan pemanduan untuk diri sendiri dan pengguna jalan raya yang lain, program yang turut disertai oleh Pengarah Laut Wilayah Timur ini dilihat dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara pegawai yang terlibat.

LIMA'23 - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) SIAP SIAGA CEGAH INSIDEN KEBAKARAN DALAM TERMINAL FERI PENUMPANG



24 Januari 2023 - Ketua Pejabat Laut Langkawi Bandaraya Pelancongan bersama seluruh pasukan pegawai dan pelaksana beliau ikuti latihan mencegah kebakaran sebagai persediaan mengendalikan jumlah penumpang feri yang dijangka meningkat tinggi semasa Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2023 (LIMA'23) yang dijadual pada 23 - 27 Mei 2023. Seramai 238 ribu pengunjung awam dijangka melawat Pameran ini dalam tempoh 5 hari tersebut.

SIAP SIAGA KEMUNGKINAN BANJIR - JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) TINGKAT KERJASAMA DENGAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)



24 Januari 2023 - Pasukan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bersama pasukan Ketua - Ketua Pejabat Laut Wilayah Utara menyertai Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti anjuran Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Langkawi. JLM bertindak sebagai pasukan peringkat ke-2 dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam (APM) dalam mengendalikan insiden banjir besar.

DIALOG KESEDARAN KESELAMATAN ANTARA AGENSI KERAJAAN DENGAN KOMUNITI NELAYAN DAN PENGUSAHA BOT PENUMPANG



27 Januari 2023 – Jabatan Laut Malaysia Wilayah Timur (JLMWT) telah menyertai dialog 'Sembang Teh Tarik' anjuran Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Terengganu bersama komuniti nelayan dan pengusaha bot penumpang di Penarik. Wakil JLMWT mengingatkan tentang kepentingan semua pihak dalam memastikan kelestarian pengangkutan laut. JLM telah menetapkan keperluan keselamatan minima yang dikuatkuasakan semasa pemeriksaan bot.

MEMBANGUN MALAYSIA MADANI – JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) KEKAL FOKUS EKONOMI MANUSIAWI



26 Januari 2023 – Pasukan Pemeriksa Ujian Lisan JLM laksana ujian lisan ke atas pelaut yang berhasrat untuk mendapatkan perakuan kekompetenan *Second Engineer Officer of 3000kW or More Near Coastal Trade Voyages* dan *Watch Keeping Engineer of 750kW or More Near Coastal Trade Voyages (Motorship)* di Ibu Pejabat Laut Wilayah Utara, Pulau Pinang. JLM terus fokus kepada ekonomi manusiawi melalui pengukuhan pendidikan pelaut walaupun tinjauan ekonomi dunia bagi tahun 2023 tidak menentu dan mencabar.

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN KE RUMAH API KUALA SELANGOR



31 Januari 2023 – YB Datuk Haji Hasbi bin Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke Rumah Api Kuala Selangor, Bukit Malawati, Kuala Selangor.

Ketibaan YB Timbalan Menteri Pengangkutan telah disambut oleh YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi) JLM, dan Tuan Haji Baharuddin bin Zakaria, Pengarah Laut Wilayah, Jabatan Laut Malaysia Wilayah Tengah serta pegawai-pegawai kanan daripada JLM.

YB Timbalan Menteri telah diberikan taklimat mengenai fungsi dan operasi rumah api di bawah seliaan Jabatan Laut Malaysia oleh En. Burhanudin bin Abdullah, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran.

Seluruh warga JLM menghargai kesudian YB Timbalan Menteri meluangkan masa bagi mengadakan lawatan kerja yang penuh bermakna ini.



Pentadbiran Maritim Kebangsaan

Selat Melaka laut terbuka
Laut China Selatan luas dedah
Serlah laut luar antarabangsa
Berdagang niaga pelusuk dunia

Tersurat dalam hukum PBB
Perairan 12 batu nautika ke pantai
Berkuatkuasa Negara milik Selat Melaka
Pisah Malaysia Indonesia
'Bersama armada jiran kita
Sehala intip curiga kawal selia
Setiap pintu kuala ke batas samudera
Lengkap senjata tangkis penceroboh

Nelayan berulang malam siang
Tiada bimbang terapung di lautan
Pantas halang lanun menyerang
Alam sekitar jernih pandang
Aman damai gamit pelancong datang

Maritim Malaysia setia bersatu
Juga akta pelantar benua ZEE
Betapa murni tugas kita
Berpisah keluarga demi perairan Negara

Tanah, air, api, dan angin
Utara, selatan, timur, dan barat
Damai laut sepanjang jiran
Tiada alpa beri perhatian
Ibarat jaga anak dalam buaian

Terbukti gagah Maritim kita
Pada dunia yang takut rasa
Ini Malaysia negara berdaulat
Berkat suara sepakat rakyat
Pemimpin dan tadbiran kejaup berkhidmat
Mush sama ditentang
Kejayaan sama dijulang
Mari Malaysia capai wawasan
Cemerlang, gemilang, terbilang.

Anis Shaari

2004

Puisi Laut, Jabatan Laut Malaysia



KEMPEN MEMBACA 10 MINIT



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA



- JABATAN LAUT MALAYSIA -

"Dengan" **atau** "Dalam" perkataan lain?

Masih meluas penggunaan frasa "dalam perkataan lain", baik dalam ucapan mahupun tulisan. Frasa itu diterjemahkan secara langsung daripada "*in other words*"

Frasa yang **lebih tepat** dalam bahasa Melayu ialah "**dengan perkataan lain**". Maksud frasa itu sepenuhnya ialah "dengan menggunakan perkataan lain" tetapi kata "menggunakan" digugurkan.

Oleh itu, gunakan frasa yang tepat seperti frasa berikut:

- **Dengan perkataan lain**, perpaduan adalah asas pembangunan negara
- Perkara itu dapat diungkapkan **dengan perkataan lain**, iaitu "sekali kena, dua kali tahu"



SUMBER: RUMUS BAHASA OLEH YBHG. PROF. DATUK SERI DR. AWANG SARIYAN
PELITA BAHASA 08/2021

DISEDIAKAN OLEH : UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN



Jabatan Laut Malaysia



@lautmy



jabatanlaut



KEMPEN
10 MINIT MEMBACA



- JABATAN LAUT MALAYSIA -

MADANI

Maju dari segi pemikiran, kerohanian,
akhlak dan kebendaan (berkenaan
masyarakat, generasi dan sebagainya).



SUMBER:
KAMUS DEWAN PERDANA (DBP, 2020)



DISEDIAKAN OLEH :

UNIT KORPORAT IBU PEJABAT LAUT DAN MATRAIN



Jabatan Laut Malaysia




@lautmy



jabatanlaut

TEKA SILANG KATA

JABATAN LAUT MALAYSIA



MENEGAK

- 1 Pelengkap konvensyen antarabangsa.
- 3 Ada laut, ada yang darat.
- 5 Nadi kepada dorongan kapal.
- 6 *Galley* kapal di rumah anda.
- 7 Nyalaan api memerlukan ia, udara dan haba
- 10 Buletin laut diterajui oleh wilayah sohor.

MELINTANG

- 2 Kitab samudera sejak 1952 dan 1960.
- 4 Ibu haiwan ini namanya sama walau dieja dari depan atau belakang.
- 7 Dikibarkan apabila masuk pelabuhan.
- 8 Pemimpin maritim dilahirkan di sini.
- 9 Geti, padannya Bunga. Sila, padannya Buku.

Mentarang Pedas



BAHAN - BAHAN:

- o 2 kg mentarang
- o 6 biji cili kering (dikisar lumat)
- o 8 ulas bawang merah (ditumbuk)
- o 4 ulas bawang putih (ditumbuk)
- o 1 inci halia (dikisar)
- o 2 batang serai dihiris nipis
- o 1 sudu sos cili
- o 1 sudu sos tomato
- o 1/2 sudu sos tiram
- o Sedikit gula
- o Sedikit garam
- o Minyak untuk menumis
- o Air secukupnya

CARA PENYEDIAAN:

- a. Panaskan minyak dan tumis cili kisar sehingga pecah minyak. Kemudian masukkan bahan yang ditumbuk. Tumis sehingga naik bau.
- b. Kemudian masukkan air, sos tiram, sos tomato, dan sos cili dan juga serai. Kacau sehingga sebat. Apabila kuah telah mendidih, masukkan mentarang dan tutup periuk.
- c. Biarkan seketika atau sehingga mentarang hampir terbuka dan kemudian masukkan garam dan juga gula secukup rasa. Gaul mesra dan kemudian bolehlah tutupkan api.
- d. Kemudian taburkan daun ketumbar untuk menaikkan lagi aromanya. Sedia untuk dinikmati.

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Mohammad Hisham Bin Ali
Ketua Editor



YBrs. Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Azham Bin Abd
Razak**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

korporat@marine.gov.my